

17 JUL 2000

Mahathir-NITC

SATU PORTAL BAGI PASARKAN BARANGAN SYARIKAT IKS DIWUJUDKAN

KUCHING, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu portal akan diwujudkan bagi membantu memasarkan barangan dan perkhidmatan syarikat kecil dan sederhana ke pasaran antarabangsa menerusi internet.

Perdana Menteri berkata ia telah dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) memandangkan syarikat IKS tidak mempunyai kepakaran dan kewangan untuk berbuat demikian.

"Bagi syarikat besar mungkin mereka mempunyai kemampuan untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan melalui internet...tetapi bagi syarikat kecil dan sederhana, kepakaran mereka mungkin terhad atau tidak ada langsung dan juga modal yang diperlukan tidak ada pada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat NITC ke-10 di sini.

Mesyuarat itu dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua menteri besar dan ketua menteri kecuali dari Kelantan dan Terengganu. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir berkata dengan itu ada baiknya jika IKS memperkenalkan produk dan khidmat mereka melalui satu portal dan supaya segala yang diperlukan telah ditentukan oleh mereka yang menguruskan portal berkenaan.

Ia juga bagi mengelakkan terlalu banyak syarikat yang menubuhkan portal sendiri dan keadaan ini akan memungkinan terlalu banyak portal bagi negara ini dan portal ini tidak dapat diuruskan dengan cara yang baik.

"Syarikat-syarikat kita akan jatuh kerana halaman e-dagang tidak diuruskan dengan baik," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa kerajaan tidak berupaya untuk mengawasi segala kegiatan yang berhubung dengan e-dagang dalam internet dan tidak akan mengadakan sekatan untuk mengiklankan barangan dan perkhidmatan.

"Kita juga khuatir kalau kita cuba adakan sekatan, mereka akan berurusan dengan luar negara," katanya.

Oleh sebab itu kerajaan berharap mereka yang berniaga menerusi halaman web mengamalkan budaya dan etika yang baik supaya negara tidak akan mendapat reputasi yang buruk.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan sedang mengawasi penubuhan bursa komoditi menerusi internet bagi memastikan Malaysia, yang merupakan antara pengeluar komoditi penting, tidak mengalami kerugian.

Katanya sesiapa sahaja kini boleh menubuhkan bursa komoditi kerana akses ke internet sangat mudah dan boleh dari mana-mana sahaja.

"Kita tak dapat elak daripada bersaing dengan dunia... dan kita tidak boleh lagi anggap, (bahawa) kita pengeluar getah maka pasaran komoditi itu adalah di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Kemungkinan sudah ada negara-negara yang bukan pengeluar komoditi akan menjadi pusat dagangan bagi komoditi berkenaan dan dengan itu maka pihak yang mengeluarkan komoditi itu akan mengalami kerugian.

Perdana Menteri berkata antara langkah yang perlu diambil bagi memastikan negara tidak mengalami kerugian, adalah dengan memasarkan komoditi lebih awal.

"Sama ada pasaran kita atau pasaran orang lain digunakan, bergantung kepada khidmat yang diberi dan betapa cepat kita uruskan penghantaran kepada pembeli," katanya.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat NITC juga mengambil keputusan untuk memastikan tidak berlaku jurang digital yang terlalu ketara di dalam negara dan di antara Malaysia dengan masyarakat antarabangsa.

Katanya beberapa cadangan yang dibuat bagi mengatasinya akan dimasukkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Antaranya ialah beberapa bidang program teras dirancang bagi pelaksanaan untuk meningkatkan lagi pembangunan rakyat, infostruktur, kandungan dan aplikasi seperti yang terdapat dalam agenda IT negara.

Beliau juga berkata mesyuarat NITC turut mendengar taklimat mengenai kemajuan usaha menubuhkan kerajaan elektronik oleh Sarawak yang menurutnya sudah ke depan dalam usaha ini .

"Apa yang dilakukan oleh Sarawak menjadi contoh kepada negeri lain. Saya ucap tahniah kepada Sarawak kerana cergas dalam pembangunan bidang ini," kata Perdana Menteri.

--BERNAMA
APG MT RON